

15 AUG 1996

Mahathir-Terengganu

DR MAHATHIR LAWAT TERENGGANU MULAI AHAD

KUALA TERENGGANU, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Terengganu mulai Ahad ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud pada 4 petang.

Jurucakap bahagian istiadat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini berkata ketibaan Dr Mahathir akan disambut oleh Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan pembesar negeri.

Dr Mahathir kemudian akan terus ke Tasik Kenyir di Hulu Terengganu untuk melawat serta berehat di kawasan pelancongan itu.

Beliau berkata Perdana Menteri akan mempunyai jadual kerja yang padat pada hari kedua, bermula dengan taklimat serta meninjau projek pembangunan di kawasan Tasik Kenyir.

Pada tengah hari, beliau akan menghadiri majlis perjumpaan dengan pemimpin masyarakat dan pegawai kerajaan di Wisma Darul Iman, diikuti dengan makan tengah hari.

Pada 3.30 petang, Dr Mahathir dijadual menutup kejohanan badminton Piala Perdana anjuran Badan Amal Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) di Stadium Negeri dan pada malamnya, akan menghadiri majlis Malam Mesra sempena kejohanan badminton Piala Perdana dan pelancaran derma projek Kompleks Penyayang di Wisma Darul Iman.

Dr Mahathir akan memulakan program hari ketiganya dengan melancarkan program Gerak Mesra peringkat negeri serta melawat dusun buah-buahan di Kampung Pelong, Setiu.

Selepas itu, beliau akan meletak batu asas projek perumahan Permint Perdana di Kampung Batin, Seberang Takir di sini.

Perdana Menteri juga dijadual menghadap Sultan Terengganu di Istana Badariah sebelum berlepas pulang pada sebelah petang.

--BERNAMA

IB MAI